

19 DEC 1998

Ohmae-MSc

DR OHMAE KATA TIDAK ADA SEBAB MENGAPA BELIAU MAHU BERHENTI DARI MSC

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Pembangun konsep Koridor Raya Multimedia (MSC), Dr Kenichi Ohmae hari berkata beliau berasa bertanggungjawab untuk menjayakan MSC dan beliau tidak dapat bayangkan yang beliau akan berhenti dari Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC.

"Saya adalah antara pembangun konsep MSC yang asal dan tidak ada sebab mengampa saya harus meletak jawatan sebagai anggota IAP," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyudahan pembinaan Pusat NTT MSC Jepun yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Cyberjaya dekat sini.

Dr Ohmae berkata beliau tidak tahu bagaimana majalah Far Eastern Economic Review (FEER) dalam edisi bulan lepas mempunyai anggapan bahawa beliau akan meletak jawatan daripada IAP.

"Ia juga mengejutkan saya. Khabar angin mengenai peletakan jawatan saya berasaskan kepada laporan FEER. Saya sebenar terkejut mendapat banyak panggilan telefon dan permintaan untuk ditemubual dari Malaysia dan negara-negara Asia yang lain," katanya.

Dr Ohmae, seorang perunding teknologi maklumat dan juga seorang penulis buku yang terkenal, berkata beliau sentiasa berhubung dengan Dr Mahathir mengenai IAP.

"Saya lebih komited kerana saya terlibat banyak dalam pemilihan anggota-anggota IAP," katanya.

Mengenai Alvin Toffler, seorang lagi anggota IAP yang juga dilaporkan FEER telah meletakkan jawatan, Dr Ohmae berkata Toffler telah melahirkan kekecewaan mengenai laporan media mengenai Dr Munawar Anes, yang dihukum penjara enam bulan atas tuduhan membenarkan dirinya diliwat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Ohmae berkata walaupun Toffler menyifatkan Dr Anes sebagai sahabatnya tetapi beliau tidak akan meletakkan jawatan dari IAP.

"Saya bercakap dengannya (Toffler) melalui telefon. Saya mahu Toffler bercakap terus dengan Dr Mahathir dan malangnya mereka tidak dapat berbuat demikian tetapi mereka saling menulis surat. Tetapi beliau tidak meletak jawatan (dari IAP)," katanya.

Beliau berkata Toffler berpendapat bahawa multimedia memerlukan masyarakat terbuka dan pertukaran idea-idea.

Dr Ohmae juga berkata IAP mungkin akan mengadakan mesyuarat sama ada Jun atau Julai tahun depan apabila kebanyakan projek prasarana termasuk Universiti Multimedia siap.

--BERNAMA

ARA WAT